

BULETIN

JULAI - SEPTEMBER
2022

EDISI 03

BANDAR RAYA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

**MBSJ PENERIMA
ANUGERAH**

*Bandar
Berdaya Huni
Tahap Tertinggi*



**EDISI
PERCUMA**

**MBSJ MENANG
ANUGERAH
DI FLORIA,
PUTRAJAYA**



Ulang Tahun 10
KE-10
**FRIENDSHIP CITY
SUBANG JAYA - HIOKI**



Imbas
Kod QR
untuk mengakses
Buletin Bandar Raya
dalam talian



ISI KANDUNGAN

JULAI • OGOS • SEPTEMBER • 2022

SIDANG REDAKSI

PENAUNG:

YBhg. Dato' Johary bin Anuar D.P.M.S
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

PENASIHAT:

Tn. Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali A.M.N.A.M.S
Timbalan Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

KETUA EDITOR:

Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

EDITOR:

Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

SIDANG EDITORIAL:

Puan Noor Baizura binti Bakhtiar
Puan Noor Sabrina binti Samsudin

PEREKA GRAFIK:

Siti Marlina binti Chek Long
Khairul bin Rosti
Muhammad Shahrhan Hanief
bin Shaharolzaman

JURUGAMBAR:

Encik Mohd Ferdaus bin Khazali
Encik Mohd Fazli bin Osman

EDARAN BULETIN:

Puan Farah Izwani binti Ahmad
Encik Fazli bin Naiman

MBSJ ANTARA 10 PBT PENERIMA ANUGERAH BANDAR BERDAYA HUNI TAHAP TERTINGGI (iDAM)	3	SEMINAR SUBANG JAYA CITY CLIMATE ACTION APPROACH	11
KONSEP UP CYCLING: MBSJ BERJAYA MERANGKUL ANUGERAH 'GARDEN CREATIVE AWARD SUSTAINABLE'	3	ULANG TAHUN FRIENDSHIP CITY SUBANG JAYA – HIOKI KE-10	12
SESI TOWN HALL BAJET MBSJ 2023 LIBAT SEMUA PEMEGANG TARUH	4	WARNA-WARNI KOMUNITI	14
SEMINAR STRATA TECHNIQUE APPROACH TOWARDS RESILIENT (MY-STAR)	4	UPACARA PERASMIAN MASJID PUTRA HEIGHTS	16
PROGRAM SELAMAT PAGI SUBANG JAYA HARI TANPA KENDERAAN MERIAH	5	BULAN KESEDARAN KESIHATAN MBSJ PENYAKIT TIBI 2022	16
LAWATAN PANEL PENILAI SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT 2022)	6	PASUKAN PANTAS PERKUKUH KEMAHIRAN PENGURUSAN BENCANA HADAPI MONSUN TIMUR LAUT	17
LAWATAN PANEL PENILAI ANUGERAH KEJIRANAN HIJAU 2022	6	MAJLIS PERASMIAN MEDAN SELERA PUCHONG PERMAI	17
LAWATAN PANEL PENILAI ANUGERAH INOVASI AWAM NEGERI SELANGOR (AINS) TAHUN 2022	7	OPERASI BERSEPADU PEMERIKSAAN PREMIS MAKANAN PUSAT PERNIAGAAN TAIPAN USJ 10	18
AUDIT ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTI RASUAH (AIGA) 2022	7	MBSJ TUMPASKAN GENG RODA TIGA	18
MAJLIS PERBARISAN DATUK BANDAR BERSAMA PENGUATKUASA MBSJ	8	STRUKTUR TANPA KEBENARAN TUMBANG KE BUMI	18
MAJLIS PELANCARAN ZON TEMPAT LETAK KERETA 2 JAM	8	JUDI ONLINE TUMPAS	19
MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PREMIS BEBAS KOMPAUN	9	OPERASI MENEMBAK GAGAK	19
SESI TAKLIMAT PENIAGA-PENIAGA PASAR AWAM SK10 BAGI ISU PEMINDAHAN KE PASAR TRANSIT SK 3/2	9	OPERASI LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN BERAT MELEBIHI 10 TAN	19
'WORLD CLEAN UP DAY' 2022	9	SUKAN PERSAHABATAN PENGUATKUASA MBSJ DAN MPK	20
PROGRAM JELAJAH SELANGOR PENYAYANG	10	RAMAH MESRA BOWLING MBSJ BERSAMA MPP	20
PROGRAM SANTAI DAN SUKAN PENJAWAT AWAM NEGERI SELANGOR BERSAMA KSN	10	MBSJ RANGKUL NAIB JOHAN KEJOHANAN MALAYSIA SPORTS LEAGUE SEPAK TAKRAW PERINGKAT KEBANGSAAN	21
PROGRAM 'WALKABOUT PLATS' KE PASAR BUDAYA BORNEO MBSJ	10	JPJ SELANGOR RANGKUL JUARA DALAM KARNIVAL BOLA SEPAK ANTARA AGENSI PENGUATKUASA	21
PROGRAM COFFEE TALK SUBANG JAYA	11	LAWATAN PENANDAARASAN KE MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA	22





MBSJ PENERIMA ANUGERAH *Bandar Berdaya Huni Tahap Tertinggi* BAGI PENGUKURAN INDEKS DAYA HUNI MALAYSIA (iDAM)

Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) berbangga apabila dinobatkan sebagai penerima Anugerah Bandar Berdaya Huni Tahap

Tertinggi bersempena dengan Majlis Pelancaran Indeks Daya Huni Malaysia 2022 yang telah berlangsung pada 18 Ogos 2022 yang lalu bertempat di

Hotel Zenith, Putrajaya.

YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ telah menerima anugerah tersebut

yang telah disampaikan oleh Dato' Reeza Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

KONSEP UPCYCLING: MBSJ BERJAYA MERANGKUL ANUGERAH

‘Garden Creative Award Sustainable’

Hasil sentuhan kreatif bertemakan konsep *upcycling* telah berjaya membuahkan hasil apabila MBSJ berjaya merangkul Anugerah ‘Garden Creative Award Sustainable’ di bawah kategori Taman Agensi Kerajaan dan Korporat semasa Festival Floria Diraja Putrajaya 2022 yang telah berlangsung sejak 29 Ogos 2022 sehingga 11 September 2022 yang lalu bertempat di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya.

MBSJ yang buat julung kalinya menyertai festival itu telah mengetengahkan konsep *upcycling* bagi penyediaan arca kitar semula dengan mengubah produk yang tidak berfungsi menjadi sesuatu yang lebih



berguna seperti mengubah kayu palet terbuang kepada hiasan burung hantu di dalam taman dan digabungkan dengan pelbagai jenis pokok bunga berwarna-warni.

Reka bentuk ini merupakan inisiatif MBSJ bagi menyokong

transformasi Subang Jaya untuk menjadi sebuah bandar raya hijau sejajar dengan Pelan Strategik Subang Jaya 2020-2025 dengan

sasaran pengurangan karbon dalam melestarikan amalan hijau.





SESI TOWN HALL BAJET MBSJ 2023 LIBAT SEMUA PEMEGANG TARUH

Bertemakan 'Bajet Inklusif Menjana Bandaraya Pintar dan Lestari', Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menganjur sesi libat urus semua pemegang taruh di pentadbirannya dalam program 'Sesi Town Hall Bajet MBSJ 2023' yang berlangsung pada 11 September 2022 yang lalu bertempat di Dewan Serbaguna MBSJ USJ 7, Subang Jaya, Selangor.

Dianggarkan seramai 300 wakil penduduk, NGO, pelbagai agensi telah menyertai program ini yang dilaksanakan bagi menerangkan mengenai kedudukan kewangan MBSJ

serta mendapatkan maklumbalas serta cadangan konstruktif dari komuniti serta pemegang taruh bagi dipertimbangkan sebagai input dalam merangka strategi berkaitan belanjawan MBSJ bagi tahun 2023.

Sebagai makluman, MBSJ telah menyediakan draf Bajet Tahun 2023 yang melibatkan keseluruhan belanjawan berimbang, hasil dan belanja berjumlah RM315 juta dan anggaran belanja pertambahan RM17.38 juta dari tahun 2022.

Selain itu juga, MBSJ telah mengimpilikasikan Anggaran Belanjawan Tahun 2023 berasaskan 'Modified Budgeting System (MBS)' di mana setiap item perbelanjaan perlu diperincikan bagi memastikan semua hasil yang diperoleh dibelanjakan mengikut perancangan secara cekap dengan pengawalan ketat bagi mengurangkan risiko ketirisan dan pembaziran sumber.



SEMINAR STRATA TECHNIQUE APPROACH TOWARDS RESILIENT (MY-STAR)

Seramai 150 orang peserta telah menyertai seminar ini yang telah berlangsung pada 16 Julai 2022 yang lalu bertempat Dewan Serbaguna MBSJ USJ 7, Subang Jaya, Selangor.

Seminar telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ dan diadakan dengan matlamat untuk memberi pendedahan kepada komuniti

strata berkenaan pengurusan serta penyenggaraan bangunan. Penekanan modul 'My-Star' juga turut diterangkan melibatkan elemen-elemen keselamatan, pengurusan, kewangan, penyenggaraan dan penguatkuasaan selaras dengan peruntukkan di dalam Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).



PROGRAM Selamat Pagi Subang Jaya HARI TANPA KENDERAAN MERIAH

Dengan matlamat membudayakan gaya hidup sihat sekaligus mengurangkan penggunaan kenderaan dan pelepasan asap karbon dioksida bagi meneruskan kelestarian bandar raya, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menganjurkan program 'Selamat Pagi Subang Jaya Hari Tanpa Kenderaan' yang telah dimulakan sejak 7 Ogos 2022 yang lalu bertempat di Jalan Kemajuan, Subang Jaya (berhadapan AEON BiG dan Subang Parade) bermula jam 7.00 pagi sehingga jam 11.00 pagi.

Program ini dijalankan pada setiap hari Ahad pada minggu pertama setiap bulan dan ini merupakan inisiatif MBSJ bagi mencapai

sasaran penurunan karbon di kawasan bandar. Di antara aktiviti menarik yang dijalankan adalah seperti larian serta kayuhan santai, kids street soccer, program bual bicara bersama Datuk Bandar MBSJ, persembahan jalanan (Busking), aktiviti memanah serta car boot sales. Turut diadakan Pesta Sarapan terdiri daripada barisan food truck yang menawarkan pelbagai menu yang menyelerakan untuk pengunjung.

MBSJ mengalu-alukan seluruh komuniti bandar raya Subang Jaya untuk hadir beramai-ramai bagi memeriahkan program ini sekaligus menyokong Pelan Tindakan Bandar Hijau MBSJ.



MBSJ SERTAI PROGRAM JELAJAH SELANGOR PENYAYANG

MBSJ telah menyertai Program Jelajah Selangor Penyayang pada 24 Julai 2022 yang lalu bertempat di Laman MBRJ yang telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.

MBSJ telah membuka ruai pameran MBSJ di mana pelbagai aktiviti telah diadakan seperti pameran informasi mengenai MBSJ serta turut diadakan permainan untuk disertai orang ramai bagi mendapatkan cenderamata eksklusif MBSJ. Kaunter bergerak MBSJ turut dibuka bagi memudahkan

orang ramai melaksanakan urusan dengan pihak Majlis.

Selain itu juga, MBSJ bersama-sama Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) turut mempromosikan perkhidmatan 'Bas Smart Selangor' bagi menggalakkan masyarakat untuk menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam yang disediakan oleh PBT dan Kerajaan Negeri Selangor.



INFO BAS SMART SELANGOR MBSJ

JADUAL PERJALANAN

PETA PERJALANAN

SITS





LAWATAN PANEL PENILAI SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT 2022)

MBSJ telah menerima Lawatan Panel Penilai bagi Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2022 daripada Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 25 Julai 2022 (Isnin) di Laman Kenanga, Aras 1, MBSJ.

Panel penilai SPB-PBT diketuai oleh En. Marthandan A/L Yathamaniyam, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Inspektorat, JKT selaku Ketua Panel, bersama-sama En. Chin Khien Leong, Pn. Hasnizah binti Salleh, En. Muhamad Aizuddin bin Safiaa dan Cik Zamzamah binti Zainuddin dari jabatan yang sama.

Penilaian SPB-PBT ini telah diperkenalkan oleh KPKT untuk menilai tahap prestasi PBT dalam menjalankan peranannya bagi penyampaian perkhidmatan.

Antara kriteria yang dinilai adalah Pengurusan, Perkhidmatan-Perkhidmatan Teras, Pengurusan Pelanggan, Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk.

Secara keseluruhan, MBSJ telah berjaya mengekalkan pencapaian status Pihak Berkuasa Tempatan bertaraf '5 Bintang'.

LAWATAN PANEL PENILAI

Anugerah Kejiranan Hijau 2022

Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah menyertai Anugerah Kejiranan Hijau 2022 (AKH 2022) yang dianjurkan oleh PLAN Malaysia.

Lanjutan dari penyertaan tersebut, MBSJ telah disenarai pendek bagi pertandingan ini. Lawatan tapak oleh Panel Penilai Kategori PBT telah dilaksanakan pada 11 Ogos 2022.

Para panel telah dibawa ke lokasi bagi meninjau pelaksanaan di tapak bagi projek berikut:

Smart Vibrant
Zero Waste:
Penambahbaikan
Kaedah dan Amalan
Kitar Semula

Pengiraan
Organik Smart
Vibrant. Subang
Jaya Ke Arah
Ekonomi Kitar
Semula

Inisiatif
Penuaian Air
Hujan Smart
Vibrant

Kayuhan
Pelbagai
Rintangan @
Putra Heights

Kebun
Komuniti
Berdaya B40
Pangsapuri Seri
Serdang

Laluan
Pejalan Kaki
Subang Jaya
Inclusive Smart
Vibrant



LAWATAN PANEL PENILAI ANUGERAH INOVASI AWAM NEGERI SELANGOR (AINS) TAHUN 2022

Penilaian Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) Tahun 2022 telah berlangsung pada 23 Ogos 2022 yang lalu bertempat di Laman Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Sebanyak 10 pasukan telah menyertai pertandingan pada kali ini dan telah memaparkan hasil inovasi mereka seperti berikut:




BIL	NAMA KUMPULAN	TAJUK INOVASI
1	Text Ranger	Compound Alerts
2	EP	Smart Pusara
3	X-Change	Lampu Isyarat Kaunter
4	Indah Awlad	SaBBAr
5	Jabatan Kejuruteraan Aeroangkasa Fakulti Kejuruteraan UPM	Intravenous Cannula Protector (IVC Protector)
6	Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi UPM	Dadu Gergasi Imbuhan BM PAK21
7	WMSSB Subang	Penambahbaikan Proses Pembuatan Panas kepada Sejuk
8	Sunway Lagoon Sdn Bhd	Rain Water Harvesting
9	Jabatan Kimia Fakulti Sains, UPM	GRAFINTOK
10	Ecobed Malaysia Sdn. Bhd.	ECOBED Cat Litter



AUDIT ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTI RASUAH (AIGA) 2022

Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menjalani auditan oleh Institut Integriti Malaysia bagi sesi penilaian Audit Anugerah Integriti, Governans dan Anti Rasuah (AIGA) 2022 yang telah berlangsung secara maya bermula 12 -13 September 2022. Sesi penilaian ini adalah bagi menilai dokumentasi dan pelaksanaan integriti, tadbir urus dan anti rasuah di dalam organisasi. Syabas kepada semua warga kerja yang telah bertungkus lumus menyediakan dokumen dan memberikan sepenuh komitmen pada hari tersebut.





MAJLIS PERBARISAN DATUK BANDAR BERSAMA PENGUATKUASA MBSJ

Pada 17 Ogos 2022, berlangsung Majlis Perbarisan Datuk Bandar Bersama Jabatan Penguatkuasa MBSJ bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-2 MBSJ. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ bertempat di Dewan Serbaguna USJ 7, Subang Jaya, Selangor.

Sebaik ketibaan, Datuk Bandar telah menerima tabik hormat dari perbarisan kawalan kehormat penguatkuasa yang melibatkan 31 anggota. Turut diadakan, pelancaran bendera



penguatkuasa MBSJ, pemakaian pangkat kepada Pengarah Penguatkuasa serta anggota dengan melibatkan 4 orang Sarjan, dan 12 orang Koperal. Majlis ini turut disertai seramai 239 anggota penguatkuasa MBSJ.



MAJLIS PELANCARAN ZON TEMPAT LETAK KERETA 2 JAM

Bermula 1 September 2022, semua pengguna kenderaan di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya akan menikmati kemudahan tempat letak kenderaan selama 2 jam di 2,106 petak terpilih yang telah diwartakan. Majlis pelancaran inisiatif ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ pada 23 Ogos 2022 yang lalu bertempat di Jalan USJ 10/1B, Subang Jaya, Selangor.

Pada masa kini, pelaksanaan kemudahan tempat letak kenderaan ini merangkumi 6 jalan utama seperti berikut:

NAMA JALAN UTAMA	BILANGAN ZON TEMPAT LETAK KERETA
Jalan USJ 10	441
Jalan USJ 12	28
Jalan SS15	539
Jalan USJ 21	43
Jalan Bandar Puteri	720
Jalan Kenari, Puchong, Selangor	124

Inisiatif ini akan diperluaskan dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian lokasi manakala bagi petak khas bagi Orang Kurang Upaya (OKU) sedia ada akan dikecualikan. MBSJ akan menggunakan petak ini dengan petak yang berlainan (warna jingga) bagi membezakan petak ini dengan petak tempat letak kereta yang biasa.



Dengan kadar bayaran RM0.50 bagi tempoh masa setengah jam pertama, pengguna dibenarkan menggunakan kemudahan ini sehingga tempoh masa maksimum 2 jam seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Pengguna dengan kenderaan persendirian atau komersial tidak dibenarkan untuk meletak kenderaan di kawasan yang sama selepas tamat tempoh tersebut.



MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PREMIS BEBAS KOMPAUN

Sebanyak 56 buah premis perniagaan di Jalan USJ 10/1A, Subang Jaya telah terlibat di dalam pelaksanaan Program Premis Bebas Kompaun yang diadakan bertujuan untuk mengubah pendekatan Majlis terhadap penguatkuasaan di mana pemilik premis diberi pendedahan kepada peraturan Majlis melalui 'personal engagement' di mana pihak MBSJ akan menggunakan kaedah pendidikan dalam memastikan perniagaan yang dijalankan mematuhi semua

kehendak undang-undang dan dasar Majlis.

Majlis pelancaran program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ pada 29 Ogos 2022 dan diharapkan program ini dapat memastikan pemilik premis di kawasan terlibat dapat merekodkan sifar kompaun dalam tempoh 3 bulan. Sekiranya program ini berkesan ianya akan diteruskan di kawasan-kawasan yang lain.

SESI TAKLIMAT PENIAGA-PENIAGA PASAR AWAM SK10 BAGI ISU PEMINDAHAN KE PASAR TRANSIT SK 3/2

Sesi Taklimat Peniaga Pasar Awam SK 10 bagi Isu Pemindahan ke Pasar Transit SK3/2, Seri Kembangan telah berlangsung pada 18 Julai 2022 bertempat di Stadium Serdang Jaya, Seri Kembangan, Selangor.

Pasar Awam SK 10 serta memaklumkan lokasi Pasar Transit yang akan ditempatkan di SK 3/2 Seri Kembangan. Tempoh pemindahan akan mengambil masa 2 hingga 3 tahun untuk Pasar Awam SK 10 siap sepenuhnya.

Objektif perjumpaan peniaga ini diadakan bagi memberikan penerangan dan informasi berkenaan kerja-kerja penaklakan

Diharapkan, sesi libat urus ini telah membantu memberikan kefahaman kepada peniaga berkaitan perancangan majlis untuk membangunkan kemudahan perniagaan setempat.



Bersempena *World Clean Up Day* pada 17 September 2022 yang lalu bertempat di Tasik Sri Aman, Puchong, Selangor, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah berkolaborasi dengan Majlis Perwakilan Penduduk Zon 12 MBSJ, pihak KDEB

dan *Malaysian Humanitarian Foundation* telah menganjurkan program gotong-royong dalam usaha memelihara alam sekitar yang lebih bersih.

Program telah disertai oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar,

Datuk Bandar Subang Jaya, yang turut sama bergotong-royong bersama penduduk.

Syabas diucapkan kepada pihak yang terlibat di dalam memastikan alam sekitar kita terpelihara.





PROGRAM SANTAI DAN SUKAN PENJAWAT AWAM NEGERI SELANGOR BERSAMA KSN

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara telah meluangkan masa untuk bersama-sama dengan Penjawat Awam Negeri Selangor pada 20 Ogos 2022 di dalam program santai yang lalu bertempat di Dataran Kemerdekaan Shah Alam, Selangor.

Program dimulakan dengan aktiviti kayuhan *Fun Ride*

bersama Ketua Setiausaha Negara dan Setiausaha Kerajaan Selangor serta Penjawat Awam Negeri Selangor sempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Negeri Selangor.

YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar Subang Jaya turut bersama menyertai aktiviti kayuhan ini yang bermula di Stadium Melawati

Shah Alam dan berakhir di Dataran Kemerdekaan Shah Alam. Pelbagai aktiviti sukan telah disediakan seperti sukaneka, senamrobik, sukan rakyat (*dart*, *karom*, *dam haji*,

congkak, bola sepak kain pelekat, sepak takraw) dan yang paling menarik sekali berpeluang untuk menaiki belon udara panas.



PROGRAM 'WALKABOUT PLATS' KE PASAR BUDAYA BORNEO MBSJ

Pasar Budaya Borneo MBSJ hari ini telah menerima kunjungan tetamu istimewa iaitu YABhg. Datin Seri Masdiana Muhamad, isteri Menteri Besar Selangor merangkap Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan & Amal Wanita Selangor (PEKAWANIS) sekali gus merasmikan Program *Walkabout* Kolaborasi bersama Platform Selangor (PLATS) dalam membantu usahawan mikro bagi mempromosikan perniagaan melalui Digitalisasi Platform Selangor.



YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ dan YB Tuan Ean Yong Hian Wah, Ahli Dewan Negeri Seri Kembangan turut bersama meninjau kemeriahan Pasar Budaya Borneo MBSJ

bertempat di Pusat Perdagangan, Seri Kembangan.

Pasar Budaya Borneo MBSJ mempunyai keunikan tersendiri dari segi barangan jualan dan konsep niaga yang berbeza

daripada pasar pagi yang lain kerana turut menjadi platform yang memperkenalkan tradisi serta budaya Negeri Sabah dan Sarawak kepada komuniti MBSJ.



Hari ini lebih baik dari semalam
#subangjayagemilangbersama



PROGRAM COFFEE TALK SUBANG JAYA

Sesi 2:
MBSJ Moving Forward oleh
Dato' Johary bin Anuar, D.P.M.S
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Subang Jaya.



"Hari ini lebih baik dari semalam"

Majlis Bandaraya Subang Jaya mencetus kelainan apabila buat julung kalinya telah membuat sebuah program rancangan bual santai yang disiarkan secara langsung melalui Laman Facebook Rasmi MBSJ.

Program secara langsung ini diadakan bertujuan sebagai medium penyampaian informasi kepada masyarakat mengenai aktiviti terkini mengenai MBSJ serta maklumat mengenai agensi panel yang dijemput.

Rancangan ini telah disiarkan buat pertama kalinya pada 16 Ogos 2022 dengan tetamu undangan



Sesi 1

Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim, Ahli Majlis MBSJ yang membincangkan mengenai komuniti setempat.



Sesi 3: En. Fadhi Abdullah, Tenaga Nasional Berhad (TNB)



Sesi 7: Dr. Faridah binti Amin, Pegawai Kesihatan Daerah Petaling

Sebagai makluman, program ini bersiaran secara langsung pada setiap hari Selasa, jam 12.30 tengah hari, setiap minggu.

SEMINAR SUBANG JAYA CITY CLIMATE ACTION APPROACH

Dalam usaha memastikan isu perubahan iklim ditangani dengan sebaiknya, MBSJ telah menganjurkan Seminar 'Subang Jaya City Climate Action Approach' yang telah dirasmikan oleh YB Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru bertempat di Four Points by Sheraton Puchong pada 26 September 2022.

Turut hadir adalah YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar dan YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ serta YB Puan Michelle Ng Mei Sze, Ahli Dewan Negeri Subang Jaya dan YB Tuan Ean Yong Hian Wah, Ahli Dewan Negeri Seri Kembangan, Ahli Majlis, Ketua

Jabatan dan Pegawai MBSJ bersama pelbagai wakil agensi Selangor.

Bertemakan prospek dan cabaran pembangunan bandar raya, penganjur seminar ini adalah selaras dengan Tema Strategik 3 Rancangan Selangor Pertama (RS-1) iaitu Pemacuan Kelestarian, dengan fokus pembangunan dan penyediaan infrastruktur yang pintar dan lestari, terutamanya untuk menangani ancaman bencana di Selangor.

Lima panel jemputan telah memberikan penerangan dan perkongsian, terdiri daripada pihak Urbanice Malaysia, International Green Trends Cockpit Sdn. Bhd., Sunway Group dan Global Covenant of Mayor For Climate & Energy (GCoM) dan tidak terkecuali



Datuk Bandar MBSJ sendiri turut membawakan topik 'Subang Jaya Sciences Based Climate Action Plan' kepada peserta.

Memandang serius isu perubahan iklim, yang mana fenomena ini akan meningkatkan risiko bencana seperti banjir, kemarau panjang, peningkatan suhu, pola hujan yang berubah serta kenaikan aras air laut yang boleh mempengaruhi ketersediaan air, sekaligus memberi kesan kepada masyarakat khususnya di kawasan pentadbiran Subang Jaya, seminar ini telah menjadi platform penyelesaian masalah dan penyediaan pelan strategik kepada setiap cabaran yang ditempuhi oleh agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menangani isu perubahan iklim.



TPR. Ts Norliza binti Hashim
Urbanice Malaysia



En. Ismail bin Haji Abdullah
International Green Trends
Cockpit Sdn. Bhd.



YBhg. Tan Sri Dato' Seri
Dr. Jeffrey Cheah AO
Pengarah Sunway Group



Ms. Jacqueline Chang
Global Covenant of Mayor for
Climate & Energy (GCoM)




YBhg. Dato' Johary bin Anuar
Majlis Bandaraya Subang Jaya



MBSJ RAI ULANG TAHUN KE-

Friendship City H





-10
Hioki



MBSJ telah menjalinkan hubungan antarabangsa dengan Hioki City, Jepun melalui Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani sejak 28 Ogos 2012. Hubungan ini telah membentuk Persahabatan Bandar antara MBSJ (Malaysia) dan Hioki (Jepun).

Pada 20 hingga 24 Ogos 2022, pihak Majlis telah menerima lawatan daripada delegasi Hioki, yang melibatkan seramai 15 orang. Delegasi diketuai oleh Mayor Hioki City, Mr. Yoshitaka Nagayama. Lawatan ini juga adalah bersempena Sambutan Ulang Tahun Ke-10 Persahabatan Bandar Subang Jaya-Hioki.

Antara objektif persahabatan bandar Subang Jaya-Hioki adalah :

- Menjalinkan hubungan dan kerjasama antara bandar.
- Memperkasa ilmu pengetahuan dan modal insan.
- Pertukaran budaya.
- Program alam sekitar dan inovasi.
- Mempromosikan dan memajukan MBSJ, Negeri Selangor dan Malaysia di peringkat antarabangsa.

Program ini juga adalah selaras dengan Pelan Strategik Subang Jaya 2020-2025 bagi Teras 1 (Tadbir Urus Terbaik), Strategi 2 (Penguatan Hubungan dan Kerjasama Secara Multilateral) di dalam Pelan Tindakan 2 (Kerjasama Bandar Berkembar dan Antarabangsa).

Pihak Majlis telah menyusun pelbagai program sepanjang lawatan seperti berikut:

Tarikh	Nama Program
22 Ogos 2022 (Isnin)	Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Subang Jaya-Hioki Sempena Ulang Tahun Ke-10.
	Sesi Perkongsian Pengurusan Bandar dan Amalan Terbaik antara YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ dan Mr. Yoshitaka Nagayama, Mayor Hioki City.
	Menandatangani plak dan menanam pokok bunga Kenanga di Taman Hioki, MBSJ Sempena Ulang Tahun Ke-10.
	Lawatan ke Kompleks 3C.
	Lawatan ke Laman 'Wood Ball', Padang USJ 11, Subang Jaya.
23 Ogos 2022 (Selasa)	Majlis Makan Malam dan Persembahan Kebudayaan.
	Lawatan Anugerah Inovasi Awam Negeri Selangor (AINS) 2022: Sebanyak 11 pasukan telah mempamerkan inovasi di pelbagai agensi (MBSJ, IPT, Sekolah).
24 Ogos 2022 (Rabu)	Program <i>Interschool Benchmarking</i> , persembahan kebudayaan, pameran dan lawatan sekitar Sekolah Menengah Kebangsaan Seafield bagi amalan terbaik.



WARNA-WARNI KOMUNITI

AKTIVITI MPP BULAN JULAI – SEPTEMBER 2022

Julai

MPP
ZON 1



2.7.2022 (Sabtu)
Edaran Baucar Bantuan Di Pangsapuri Angkat SS19/7A
Blok B Pangsapuri SS19/7a

MPP
ZON 10



2.7.2022 (Sabtu)
Pembasmian Tikus
Jalan Kenari

MPP
ZON 16



3.7.2022 (Ahad)
Program Amal Free Vegetarian Food
Taman Rekreasi Wawasan

MPP
ZON 20



3.7.2022 (Ahad)
Program Memasak Hasil Kebun
Kebun Komuniti Flat Ikan

MPP
ZON 2



4.7.2022 (Isnin)
Jualan Amal Pasar Komuniti Bergerak What a Waste
Pangsapuri Blok G PJS 7/15

Ogos

MPP
ZON 4



6.8.2022 (Sabtu)
Gotong Royong Mengecat Mural
Balai Bomba Subang Jaya

MPP
ZON 8



7.8.2022 (Ahad)
Program Gotong-Royong
Kampung Kenangan

MPP
ZON 12



6.8.2022(Sabtu)
Bengkel Asas Masakan Nasi Lemak & Rendang Ayam
Balai Masyarakat MPP Zon 12

MPP
ZON 3



14.8.2022 (Ahad)
Gotong-Royong Mengikat Bata & Mengecat Batu Rumah Sampah
Taman Puchong Perdana

MPP
ZON 14



7.8.2022 (Ahad)
Kelas Gubahan Bunga Orkid
Balai Masyarakat Puchong Permai

September

MPP
ZON 9



3.9.2022 (Sabtu)
Latihan Futsal Anak Muda MPP 9
KSL Puchong Utama

MPP
ZON 13



7.9.2022 (Rabu)
Program Cuti Sekolah Pangsapuri Angkat
Chef Cilik Belajar Membuat Roti
Balai Masyarakat Jalan Perdana 4/2A

MPP
ZON 16



3.9.2022 (Sabtu)
Happy Mid Autumn Festival
Taman Rekreasi Wawasan

MPP
ZON 22



6.9.2022 (Selasa)
Program Line Dance
Dewan Serbaguna Seri Kembangan

MPP
ZON 23



7.9.2022 (Rabu)
Program Gantung Jalur Gemilang (65ft)
Taman Muhibbah



UPACARA PERASMIAN MASJID PUTRA HEIGHTS

Pada 22 September 2022, Masjid Putra Heights yang terletak di Lot 92369, Persiaran Putra Indah, Putra Heights telah dibuka secara rasmi.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj, Sultan Selangor berkenan merasmikan masjid ini dengan nama Masjid Putra Heights. Turut hadir Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dan

YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar dan pengurusan tertinggi MBSJ serta tetamu jemputan kehormat yang lain.

Masjid ini mampu menampung sejumlah 5000 jemaah pada satu-satu masa dan mampu memenuhi keperluan penduduk setempat. Masjid ini turut

dibina bersama-sama dewan serbaguna yang boleh berfungsi dalam pelbagai acara dan keadaan.

Semoga pembinaan masjid yang menjadi mercu tanda baharu di kawasan Putra Heights ini diharapkan dapat

membawa ke arah penyatuan ummah dan mengeratkan lagi perhubungan Islam di kalangan komuniti setempat.



BULAN KESEDARAN KESIHATAN MBSJ PENYAKIT TIBI 2022



Penyakit Tibi (Batuk Kering) merupakan jangkitan kuman bakteria yang bernama 'Mycobacterium Tuberculosis' berbahaya kepada manusia dan penyakit ini mudah berjangkit.

Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai bahaya

penyakit ini, MBSJ telah menganjurkan Program Bulan Kesedaran Kesihatan Penyakit Tibi pada 24 September 2022, bertempat di Balai Masyarakat Puchong Perdana.

YB Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan

Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor merangkap Ahli Dewan Negeri Kinrara telah hadir dan merasmikan program tersebut.

Dengan bertemakan 'Melabur Untuk Menamatkan Tibi, Menyelamatkan

Nyawa', pelbagai aktiviti telah dilaksanakan seperti sesi taklimat, pameran dan juga pemeriksaan kesihatan.



PASUKAN PANTAS PERKUKUH KEMAHIRAN PENGURUSAN BENCANA HADAPI MONSUN TIMUR LAUT



Berdepan dengan bencana pastinya memerlukan persiapan yang ampuh bagi menangani isu yang hadir bersamanya. Perubahan iklim yang semakin meruncing memerlukan MBSJ

untuk berada dalam keadaan bersiap sedia menghadapi risiko bencana khususnya pada masa kini yang akan berhadapan dengan Monsun Timur Laut (MTL).

MBSJ telah mengadakan Latihan Bencana (Menyelamat di Air) selama 2 hari (bermula 22 - 23 September 2022) dengan kerjasama Jabatan Bomba dan

Penyelamat Negeri Selangor dari Balai Bomba dan Penyelamat Puchong. Sesi latihan bersama ini melibatkan anggota PANTAS MBSJ, anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor serta anggota dari Pejabat Daerah dan Tanah Petaling.

Dalam majlis penutup latihan

ini, YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ telah menerima tabik hormat daripada ketua kontinjen pelatih serta menyaksikan sendiri demonstrasi simulasi menyelamat di air. Turut hadir adalah YDH YS PKPJ Norazam bin Khamis, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Selangor serta wakil-wakil agensi yang berkaitan.

MAJLIS PERASMIAN MEDAN SELERA PUCHONG PERMAI

Medan Selera Puchong Permai dengan rasminya telah dibuka kepada orang awam pada 25 September 2022 dan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir, YB Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud, Ahli Dewan Negeri Seri Serdang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita & Keluarga.

Dalam majlis perasmian ini juga, turut diadakan sesi penyerahan sijil kepada peniaga yang memperoleh penggredan premis Gred A bagi tahun 2022, penyerahan penghargaan khas kepada peniaga

serta pertandingan sepak penalti dan sukan rakyat.

Medan selera ini dilengkapi dengan 20 unit gerai, fasiliti kemudahan surau, tandas, 28 petak tempat letak kereta, motosikal dan tempat letak kereta khas bagi Orang Kurang Upaya (OKU).





OPERASI BERSEPADU PEMERIKSAAN PREMIS MAKANAN DI PUSAT PERNIAGAAN TAIPAN USJ 10

Sebanyak 56 premis makanan telah diperiksa dan 10 Notis Tawaran Kompau (NTK) telah dikeluarkan oleh pihak MBSJ di bawah pelbagai kesalahan kerana melanggar peraturan Tatacara Pengendalian Makanan yang ditetapkan oleh MBSJ dalam Operasi Bersepadu Pemeriksaan Premis Makanan di sekitar USJ 10, Pusat Komersial Taipan, Subang Jaya pada 5 Julai 2022 yang lalu.

Operasi ini telah melibatkan anggota yang terdiri daripada Jabatan Kesihatan, Jabatan Penguatkuasa, Jabatan Pelesenan dan Jabatan Pengurusan Alam Sekitar MBSJ.

Pihak MBSJ akan kekal komited meneruskan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap premis-premis makanan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan awam terpelihara terutamanya daripada penyakit bawaan air dan keracunan makanan.



ISU

- Tiada lesen memandu
- Berbahaya kepada pengguna jalan raya yang lain.

MBSJ TUMPASKAN GENG RODA TIGA

Bertindak atas aduan yang diterima dari orang awam, MBSJ bersama Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Selangor (JPJ) dan Jabatan Imigresen Negeri Selangor telah mengambil tindakan terhadap warga asing yang membawa barangan lusuh seperti besi buruk, kotak dan sampah menggunakan kenderaan motor dan basikal roda tiga sekitar kawasan Taman Puchong Intan, Taman Puchong Utama dan Bandar Puteri, Puchong pada 26 Julai 2022 yang lalu.

Hasil daripada operasi tersebut, sebanyak 28 buah motosikal/basikal roda tiga yang ditunggang oleh warga asing telah disita.

STRUKTUR TANPA KEBENARAN TUMBANG KE BUMI

Sebanyak 24 struktur bangunan tanpa kebenaran telah dirobohkan dalam operasi bersepadu tanah milik kerajaan di rizab sungai Seksyen 1, Taman Kinrara.

MBSJ melaksanakan operasi ini pada 18 Ogos 2022, dengan kekuatan anggota bersama Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, Ibu Pejabat Polis Daerah Serdang, Tenaga Nasional Berhad dan Lembaga Urus Air Selangor.



Pembinaan struktur tanpa kebenaran ini bukan sahaja menyalahi peraturan malahan menimbulkan kacau ganggu, halangan, kebersihan dan sebagainya.

Pemantauan berkala akan terus dijalankan dari semasa ke semasa dan tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang didapati melanggar peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.



JUDI ONLINE TUMPAS

MBSJ melalui operasi bersepadu pada 26 Ogos 2022, bersama IPD Serdang telah melaksanakan operasi bersepadu di 3 lokasi pusat siber di sekitar Taman Putra Permai, Seri Kembangan.

Sebanyak 3 Notis Tawaran Kompaun (NTK) di bawah Undang-

Undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber (MBSJ) 2007 telah dikeluarkan dan tindakan penutupan serta merta premis telah dilaksanakan. Sebanyak 20 unit komputer dan 33 komputer riba turut disita. Pihak PDRM turut membuat tangkapan ke atas 21 individu yang terdiri daripada pekerja dan pelanggan

yang menjalankan kegiatan perjudian tersebut.

Pemantauan berkala akan terus dijalankan dari semasa ke semasa bersama pihak PDRM dan tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak atau individu yang

didapati melanggar peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.



OPERASI MENEMBAK GAGAK



Pada 6 Ogos 2022 bermula jam 7.00 pagi, MBSJ telah mengadakan Operasi Menembak Gagak MBSJ 2022 dalam usaha mengurangkan populasi gagak serta mengurangkan kacau ganggu awam sekaligus meningkatkan kebersihan bandar raya.

Majlis pelepasan 60 peserta menembak telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ bertempat di Ibu Pejabat, MBSJ.

Operasi menembak gagak ini telah dijalankan dengan kerjasama anggota Polis Daerah Serdang dan Polis Daerah Subang Jaya melibatkan hampir seluruh kawasan sekitar pentadbiran MBSJ.

Sebanyak 4,066 ekor burung gagak telah berjaya ditembak sepanjang operasi berlangsung.

OPERASI LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN BERAT MELEBIHI 10 TAN

MBSJ dengan kerjasama Ibu Pejabat Polis Subang Jaya telah mengadakan Operasi Larangan Pemanduan Kenderaan Berat Melebihi 10 Tan bertempat di Jalan Persiaran Kewajipan, Subang Jaya bermula jam 8.00 pagi pada 12 September 2022 yang lalu.

Dalam operasi ini, sebanyak 30 kompaun atas kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 telah dikeluarkan oleh pihak MBSJ dan PDRM.






SUKAN PERSAHABATAN PENGUATKUASA MBSJ DAN MPK

Pada 22 Julai 2022 yang lalu bertempat di Kompleks 3K, Subang Jaya, telah berlangsung Sukan Persahabatan Jabatan Penguatkuasa Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan Jabatan Penguatkuasa Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Program ini diadakan bertujuan mengeratkan lagi hubungan di antara anggota penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di

samping meningkatkan kesihatan di kalangan kakitangan.

Antara aktiviti sukan yang dipertandingkan adalah sepak takraw, dart, karom, badminton, pingpong dan bola sepak. Syabas dan tahniah kepada semua anggota yang terlibat dalam menjayakan program kali ini dan pastinya sukan menyatukan kita semua!



RAMAH MESRA BOWLING MBSJ BERSAMA MPP

Sebanyak 23 kumpulan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) telah bersaing merebut gelaran juara dalam Program Ramah Mesra Bowling MBSJ Bersama MPP sempena sambutan Bulan Kemerdekaan.

YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ dan YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ turut menyertai aktiviti ini

bertempat di Megalane Pyramid Bowl Sunway Pyramid. Tahniah kepada semua yang telah berjaya!

Semoga dengan penganjuran program seumpama ini dapat menaikkan lagi semangat dan komitmen seluruh MPP dalam membentuk sahsiah dan kerohanian serta memupuk sifat bersatu padu.

MBSJ RANGKUL NAIB JOHAN KEJOHANAN MALAYSIA SPORTS LEAGUE SEPAK TAKRAW PERINGKAT KEBANGSAAN



Pasukan Sepak Takraw MBSJ telah berentap bersama 15 pasukan daripada negeri-negeri lain dalam Kejohanan Malaysia Sports League Sepak Takraw Peringkat

Kebangsaan yang telah berlangsung di Gymnasium 2, Kompleks Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Pasukan Sepak Takraw Selangor MBSJ yang telah berjaya merangkul naib johan sekaligus membawa pulang hadiah kemenangan wang tunai RM2,000.00

beserta medal dalam kejohanan yang dianjurkan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.



Persaingan sengit antara Agensi dapat dilihat semasa berlangsungnya Karnival Bola Sepak Antara Agensi Penguatkuasa yang telah diadakan pada 31 Ogos 2022 bersempena dengan sambutan bulan kemerdekaan pada tahun ini.



Pasukan JPJ Selangor telah berjuang bermati-matian sebelum berjaya merangkul gelaran juara di perlawanan akhir sekali gus membawa hadiah wang tunai RM1,000.00 beserta medal dan piala.

Tempat kedua telah dimenangi oleh pasukan IPD Serdang yang menerima hadiah wang tunai berjumlah RM750.00 beserta medal manakala tempat ketiga telah dimenangi bersama oleh pasukan tuan rumah MBSJ dan IPD Subang Jaya yang menerima

hadiah wang tunai RM500.00 beserta medal.

Penyertaan dan sokongan daripada Agensi Penguatkuasaan Negeri Selangor amat memberangsangkan di mana 6 pasukan telah menyertai Karnival Bola Sepak ini iaitu Ibu

Tahniah kepada semua yang telah mengambil bahagian dan memberikan komitmen dan menjayakan program ini.

Pejabat Polis Subang Jaya, Ibu Pejabat Polis Serdang, Jabatan Imigresen Selangor, Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Selangor, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan juga termasuk MBSJ selaku tuan rumah.

LAWATAN - LAWATAN P KE MAJLIS BANDARAY

PROGRAM DIPLOMA PASCA SISWAZAH PENGURUSAN AWAM (DPA) INTAN TAHUN 2022 (KADET PTD)

Tarikh: 08/07/2022

YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Datuk Bandar MBSJ telah meluangkan masa berkongsi pengalaman beliau dan budaya kerja dalam perkhidmatan awam. Kadet PTD turut dibawa ke Pusat Kawalan Subang Jaya (SJVCC) bagi melihat amalan terbaik yang dilaksanakan.



MAJLIS BANDARAYA IPOH

Tarikh: 29/07/2022

Majlis Bandaraya Ipoh berkunjung ke MBSJ bagi sesi perkongsian informasi berkenaan laman portal dan pengurusan media sosial MBSJ.



MAJLIS BANDARAYA IPOH

MAJLIS DAERAH TAPAH

Tarikh: 16/08/2022

Majlis Daerah Tapah telah berkunjung ke Ibu Pejabat MBSJ bagi lawatan penandaarasan MS ISO 9001:2015.

Delegasi turut berkesempatan dibawa melawat ke Pusat Kawalan Subang Jaya (SJVCC), kios bayaran serta persekitaran dalam bangunan MBSJ untuk melihat amalan terbaik yang telah dilaksanakan.



UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)

Tarikh: 26/08/2022

Sesi perkongsian amalan terbaik MBSJ bersama Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).



MAJLIS DAERAH TAPAH



PROGRAM DIPLOMA PASCA SISWAZAH PENGURUSAN AWAM (DPA) INTAN TAHUN 2022 (KADET PTD)

PENANDAARASAN YA SUBANG JAYA



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Tarikh: 06/09/2022

MBSJ berbesar hati menerima Lawatan Penandaarasan daripada Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) ke MBSJ yang diketuai oleh Tuan Muhammad Faiz bin A. Razak, Pengarah Penguatkuasa MBJB.

Objektif lawatan ini adalah bertujuan untuk mempelajari berkenaan pengurusan tempat letak kereta, penguatkuasaan, kadar tarif kompaun serta penyeliaan dan penyelenggaraan tempat letak kereta.



MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

Tarikh: 07/09/2022

Delegasi Majlis Perbandaran Kuala Langat diketuai oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Yang Dipertua MPKL telah berkunjung ke MBSJ bagi berkongsi pendapat dan mempelajari pelaksanaan program di bawah Pelan Tindakan *Local Agenda*.

Delegasi turut berkesempatan dibawa melawat ke Pusat Kawalan Subang Jaya (SJVCC), kios bayaran serta melihat amalan terbaik yang telah dilaksanakan oleh MBSJ. Semoga melalui kunjungan ini, objektif lawatan dapat dicapai sekaligus memberikan manfaat kepada kedua-dua organisasi.



MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Tarikh: 09/09/2022

Lawatan Kerja Bahagian Audit Dalam Majlis Perbandaran Klang (MPK) ke Ibu Pejabat MBSJ telah diketuai oleh Puan Khairiah binti Abd. Wahab, Penolong Akauntan MPK.

Objektif lawatan adalah sesi perkongsian ilmu berkaitan kaedah pengauditan dan pelaporan yang disediakan oleh pihak MBSJ.



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT



MAJLIS PERBANDARAN KLANG



Bersama-sama kita menghulurkan bantuan kepada mangsa bencana

- 1 X GULA PASIR
- 2 X SARDIN
- 2 X KRIMER MANIS
- 1 X TEH UNCANG (40's)
- 2 X BISKUT
- 1 X MI SEGERA
- 6 X AIR KOTAK 'SOYA BEAN'
- 6 X AIR KOTAK TEH CHRYSANTHEMUM
- 1 X BUAH LAICI DALAM TIN
- 2 X AIR MINERAL



SUMBANGAN ILTIZAM PRIHATIN MBSJ

SALURAN SUMBANGAN

- ## 1. APLIKASI QR PAY 2. PINDAHAN WANG SECARA ONLINE



IMBAS UNTUK BAYAR
SCAN TO PAY



562366652566

PERHATIAN

**SILA PASTIKAN SUMBANGAN DIBUAT KEPADA
AKAUN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (TABUNG
AMAL MBSJ) SEBELUM ANDA MENGESAHKAN
TRANSAKSI/BAYARAN**

3. CEK

ATAS NAMA: TABUNG AMAL MBSI

'LEAVE NO ONE BEHIND'

Sebarang pertanyaan sila kemukakan ke e-mel hasil@mbsj.gov.my

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBSJ.

DITERBITKAN OLEH:

Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya Selangor.